



## Kerangka Penilaian *Darurah* Dalam *Istinbat* Hukum

Ijtihad &  
Fatwa

### Framework of *Darurah* Evaluation in the Derivation of Islamic Legal Rulings

138

AHMAD MURSHIDI MUSTAPHA

(Corresponding Author)

NIK MUNIYATI NIK DIN

MOHD MIQDAD ASWAD AHMAD

Akademi Pengajian Islam Kontemporari Universiti

Teknologi MARA Cawangan Kelantan

Kampus Machang, Bukit Ilmu

18500 Machang, Kelantan

Malaysia

ahmadmurshidi@uitm.edu.my

nikmuniyati@uitm.edu.my

miqdad@uitm.edu.my

Submitted date: 5 October 2025

Revised date: 22 October 2025

Acceptance date: 30 October 2025

Available online: 31 October 2025

#### ABSTRAK

Pelaksanaan *istinbat* hukum dibangunkan melalui penggunaan dalil-dalil serta kaedah-kaedah yang telah ditetapkan oleh para ulama. Walaupun wujud kesepakatan dalam memilih dalil dan kaedah tertentu, hasil hukum yang terhasil tidak semestinya seragam. Hal ini kerana kerangka *istinbat* para ulama ada yang sejalan dan ada juga yang berbeza. Malah, perubahan hukum boleh berlaku disebabkan oleh pelbagai faktor, termasuklah situasi *darurah*. Walau bagaimanapun, penerapan prinsip *darurah* hendaklah berlandaskan penilaian syarak agar tidak hanya bersandarkan kepada pertimbangan akal semata-mata. Sehubungan itu, kajian ini membincangkan penilaian *darurah* dalam konteks *istinbat* hukum sebagaimana yang dihuraikan oleh ulama silam dan kontemporari. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui penelitian dokumen bertulis yang dianalisis dengan kaedah analisis kandungan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan *darurah* perlu ditimbang dari pelbagai aspek, termasuk penentuan kriterianya menurut syarak, pertembungan antara sesama *darurah*, serta interaksinya dengan *masalah*. Dengan demikian, hukum yang digarap berasaskan prinsip *darurah* akan lebih tersusun di bawah kawalan syarak, khususnya dalam menangani persoalan hukum semasa.

**Kata Kunci:** Kerangka, *Darurah*, *Istinbat* Hukum, Syariah





## ABSTRACT

The process of legal *istinbat* is constructed through the application of evidences and established methodologies determined by the scholars. Although there may be consensus in selecting certain evidences and principles, the resulting rulings are not necessarily uniform. This is because the methodological frameworks adopted by scholars may align in some aspects while differing in others. Furthermore, changes in legal rulings can occur due to various factors, including circumstances of *darurah*. Nevertheless, the application of the *darurah* principle must be grounded in the evaluation of the Shariah, and not merely upon rational consideration alone. Accordingly, this study discusses the assessment of *darurah* within the context of legal *istinbat* as explained by both classical and contemporary scholars. Employing a qualitative approach, this study analyses written documents using content analysis methods. The findings reveal that the application of *darurah* must be evaluated from multiple dimensions, including the determination of its Shariah-based criteria, the conflict between two or more *darurah* situations, and its interaction with *masalahah*. Hence, legal rulings derived based on the *darurah* principle will be more systematically regulated under the control of Shariah, particularly in addressing contemporary legal issues.

**Keywords:** Framework, *Darurah*, Legal *Istinbat*, Shariah

## PENDAHULUAN

*Darurah* merujuk kepada suatu keadaan bahaya atau kesukaran yang menimpa seseorang sehingga menimbulkan kebimbangan berlakunya kebinasaan terhadap jiwa, agama, harta, akal, keturunan dan juga maruah. Dalam keadaan sedemikian, syarak memberikan keharusan untuk melakukan perkara yang asalnya dilarang, meninggalkan kewajipan, atau menanggukannya, namun ia tetap tertakluk kepada panduan ketetapan syarak (al-Zuhaili, 1985). Syarak mengambil kira *darurah*, hajat dan juga keuzuran yang dialami dalam penetapan sesuatu hukum. Hal ini untuk memudahkan serta meringankan bebanan taklif seseorang. Keadaan yang dialami oleh seseorang dalam pelaksanaan tuntutan agama adalah berbeza antara satu sama lain. Bersesuaian dengan keperluan maqasid, fleksibiliti hukum berperanan meringankan pelaksanaan tuntutan taklif (Mustapha et.al., 2019).

Berdasarkan keadaan-keadaan tertentu, sesuatu hukum boleh berlaku perubahan. Perubahan hukum ini berdasarkan prinsip maqasid pensyariatian iaitu menjaga kemaslahatan dan menolak kemudaratan (al-Susut, 2011). Menurut Ismail Kaukasal (2000), antara daripada faktor perubahan hukum ialah *darurah* dan juga hajat. Hal ini selari dengan tujuan pensyariatian iaitu mengutamakan *masalahah* yang lebih besar atau melakukan kemudaratan yang kecil bagi mengelak kemudaratan yang lebih berat (al-Kailani, 2006).

Di bawah kaedah *darurah*, terhasil beberapa cabang kaedah-kaedah yang berkaitan sebagai perincian yang membantu aplikasi pada hukum. Aplikasi kaedah fiqh berkaitan *darurah* adalah bersifat relatif dan fleksibel mengikut situasi yang dialami



(Muhammad Ammar & Mohd Anuar, 2018). Pertimbangan *darurah* dalam pengeluaran fatwa semasa menjadi satu keperluan terutama dalam kes-kes yang tertentu. Sebagai contoh, keputusan muzakarah fatwa kebangsaan di bawah seliaan MKI, telah menggunakan *darurah* sebagai salah satu mekanisme berdalil bagi 14 fatwa daripada 45 fatwa perubatan (Noor Munirah, 2015). Namun, penggunaan *darurah* juga perlu selaras dengan kehendak syarak berdasarkan pertimbangan yang realiti dan realistik. Oleh kerana itu, terdapat juga keputusan hukum atau fatwa berdasarkan *darurah* yang menjadi perbahasan ulama semasa. Seperti fatwa keharusan transaksi pinjaman bagi pembelian rumah bagi golongan minoriti muslim yang dikeluarkan oleh Majlis Penyelidikan Fatwa Eropah. Walaupun demikian, fatwa ini mendapat kritikan dan dicadangkan untuk penilaian kembali (Muhammad Safwan et. al, 2020). Justeru, kajian ini bertujuan membina kerangka penilaian *darurah* dalam penggunaan kepada proses *istinbat* hukum.

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis kandungan terhadap sumber sekunder daripada kajian akademik dan rujukan kontemporari seperti artikel ilmiah, tesis, keputusan majlis fatwa serta kitab-kitab klasik dan kontemporari yang berkaitan. Dua pendekatan utama digabungkan, iaitu deduktif dan induktif. Pendekatan deduktif berasaskan kaedah umum syariah seperti *al-darurat tubih al-mahzurat* (darurat mengharuskan perkara yang dilarang) dan *al-darurat tuqaddar biqadariha* (darurat diukur mengikut kadarnya) yang diaplikasikan pada isu kontemporari dalam bidang ibadah, muamalat, perubatan dan ekonomi Islam. Pendekatan induktif pula meneliti contoh khusus dan fatwa semasa daripada institusi fiqh moden untuk merumuskan garis panduan umum penggunaan prinsip *darurah*. Gabungan kedua-dua pendekatan ini menghasilkan kerangka penilaian *darurah* yang seimbang antara asas teori dan aplikasi praktikal, selaras dengan maqasid shariah.

## **DARURAH DALAM PEMBINAAN ISTINBAT HUKUM**

Prinsip *darurah* dalam perubahan hukum berasaskan dalil yang kukuh daripada al-Quran dan al-Sunnah. Kefahaman terhadap konsep ini perlu diteliti mengikut konteks semasa kerana aplikasinya tanpa garis panduan yang tepat boleh menimbulkan kekeliruan dalam penentuan hukum yang berkait dengan *'illat* tersebut. Pengiktirafan terhadap *darurah*, sama ada melibatkan individu atau masyarakat, boleh membuka ruang kepada keharusan perkara yang asalnya dilarang seperti dalam aspek pemakanan, pemakaian, kontrak muamalat dan sebagainya. Walau bagaimanapun, prinsip ini tidak boleh diaplikasikan secara sewenang-wenangnya kerana pengharusan terhadap larangan syarak memerlukan asas *darurah* yang jelas dan bersifat terperinci. Bahkan, kebanyakan keadaan yang berlaku sebenarnya hanya berada pada tahap *hajah* yang hampir menyamai kedudukan *darurah*. Tujuan utamanya adalah bagi memudahkan urusan umat manusia serta menghilangkan kesempitan dan kesukaran yang dihadapi (al-Qardawi, 2001).

Penilaian terhadap konsep *darurah* turut dilihat melalui perspektif penjagaan maqasid *al-khamsah* iaitu agama, jiwa, keturunan, akal dan harta. Sebarang implikasi yang memberi kesan kepada maqasid ini berpotensi merubah kedudukan asal hukum



daripada 'azimah kepada rukhsah. Hal ini menggambarkan fleksibiliti syariat Islam yang tidak membebankan penganutnya, sebaliknya memudahkan pelaksanaan tuntutan agama mengikut kemampuan dalam kerangka syarak. Justeru, pemahaman yang tepat mengenai kedudukan sebenar *darurah* amat diperlukan, memandangkan terdapat kecenderungan sebahagian pihak pada masa kini untuk menjadikan alasan *darurah* sebagai kerangka fiqh waqii'ie (fiqh semasa), sehingga membawa kepada penyalahgunaan yang akhirnya menjerumuskan mereka ke arah dosa dan kemaksiatan (al-Raisuni, 2007). Antara contoh yang dikaitkan dengan alasan *darurah* ialah keharusan berinteraksi dalam muamalat bersama institusi berasaskan riba, atau keringanan dalam isu aurat ketika menerima rawatan perubatan (Mustapha, 2019).

Oleh yang demikian, menjadi suatu keperluan bagi para ulama untuk mengambil kira aspek *darurah* dan juga *hajah*, khususnya dalam isu-isu fiqh kontemporari. Pertimbangan terhadap kedua-dua faktor ini boleh menyebabkan pendapat yang asalnya bersifat *marjuh* diutamakan berbanding pandangan *rajih*, atau kedudukan hukum asal berubah kepada hukum yang lain berdasarkan keperluan semasa (Maher Zib. 2013). Tujuan syarak mengambil kira *darurah* dalam pembinaan *istinbat* hukum juga kerana natijahnya adalah untuk menolak *darurah* itu sendiri (Muhammad. t.t). Justeru, tiga kerangka utama dalam penilaian *darurah* bagi pembinaan hukum yang akan dibincangkan dalam kajian ini, iaitu:

- i. Kriteria Umum Penentuan *Darurah*
- ii. Kriteria Pertembungan Antara *Darurah* Dengan *Darurah*
- iii. Kriteria Pertembungan *Darurah* Dan Masalah

Ketiga-tiga kerangka ini akan dibincangkan sebagai fokus utama kajian, seterusnya menjadi salah satu kriteria yang perlu diutamakan terutama dalam pembinaan *istinbat* hukum berkaitan dengan *darurah*.

## **PEMAHAMAN DARURAH PADA SUDUT PANDANG ULAMA**

Beberapa definisi dikemukakan oleh ulama kontemporari bagi *darurah* dengan lebih luas dan fleksibel, sejajar dengan perubahan zaman dan keperluan semasa. Penekanan bukan hanya terbatas pada aspek kelangsungan hidup, tetapi juga kepada pemeliharaan pelbagai dimensi *daruriyyat*. Menurut al-Zuhaili (1985), *darurah* ialah keadaan mendesak yang mengancam nyawa, anggota tubuh, maruah, akal atau harta, yang membolehkan syarak memberikan keringanan sama ada dengan membenarkan perkara haram atau menangguhkan kewajipan, berasaskan sangkaan kuat (*ghalabah al-zann*). Sementara itu, Abu Zahrah (1958) menegaskan bahawa *darurah* ialah keadaan apabila kepentingan *daruriyyat* terancam dan tidak dapat dielakkan melainkan dengan melakukan perkara yang dilarang syarak. Namun kelonggaran ini tetap tertakluk kepada syarat tidak menjejaskan hak orang lain. Al-Zarqa (2004) pula mengemukakan definisi yang lebih komprehensif dengan menyatakan bahawa *darurah* meliputi sebarang bentuk kemudaratan yang menimpa manusia, sama ada secara individu atau kolektif, dan sama ada ia berbentuk jasmani mahupun moral.



Menurut al-Mubarak (2003), *darurah* ialah keadaan yang menimbulkan kebimbangan terhadap kebinasaan atau kemudaratan serius ke atas salah satu aspek *daruriyyat*, sama ada melibatkan diri sendiri atau orang lain, berdasarkan tahap keyakinan *yaqin* atau *zan*. Kegagalan menolaknya pasti akan membawa kepada kebinasaan tersebut. Dalam konteks yang hampir sama, Majdi 'Iwad (2014) berusaha menggabungkan takrifan ulama silam dan kontemporari dengan mendefinisikan *darurah* sebagai keadaan mendesak yang mendorong seseorang untuk melanggar larangan syarak atau melaksanakan tindakan tertentu bagi mengelakkan *masyaqqah* (kesulitan) yang mengancam *kulliyat al-khams* serta aspek-aspek lain yang berkaitan.

Definisi-definisi *darurah* berikut menekankan beberapa dimensi utama, iaitu kebimbangan terhadap kebinasaan atau kemudaratan yang serius; pemeliharaan lima elemen *daruriyyat* merangkumi agama, jiwa, akal, keturunan dan harta; penerapan yang melibatkan individu mahupun kelompok; penentuan tahap keyakinan sama ada pada kadar *yaqin*, *ghalabah al-zann* atau *zan*; serta pemberian keringanan syarak sama ada dengan menghalalkan perkara haram, menggugurkan kewajipan atau menangguhkannya dalam situasi tertentu. Definisi yang dikemukakan oleh ulama kontemporari dapat dilihat melengkapi pandangan ulama klasik dengan memperluas skop perbincangan kepada seluruh aspek *daruriyyat*.

### **KRITERIA UMUM PENENTUAN DARURAH**

Realitinya, situasi *darurah* yang dialami oleh seseorang adalah berbeza-beza. *Darurah* yang tidak selari dalam syarak tidak akan memberi kesan *rukhsah* dalam sesuatu pentaklifen. Antara panduan yang perlu diteliti untuk memastikan bahawa *darurah* terpakai dalam perbincangan syarak adalah seperti berikut:

#### **Kejelasan Situasi Darurah**

Penentuan mengenai keharusan melakukan perkara yang dilarang dalam keadaan *darurah* mestilah berasaskan keadaan *darurah* yang benar-benar berlaku dan bersifat pasti (Ghulam, 2008). Setelah dipastikan kewujudan sesuatu *darurah*, maka menjadi kewajipan untuk menolak serta menutup segala pintu yang boleh membawa kepadanya (al-Raisuni, 2015). Kepastian berlakunya *darurah* ini dikategorikan sebagai *الضرورة الحقيقية* (*al-darurah al-haqiqiyah*), iaitu keadaan *darurah* yang jelas dan pasti kewujudannya. Bagi memastikan sesuatu keadaan benar-benar tergolong sebagai *darurah* hakiki, beberapa ukuran tertentu perlu dikenal pasti. Sebagai contoh, seseorang yang tidak mampu membebaskan dirinya daripada situasi *darurah* juga termasuk dalam kategori *darurah* yang telah pasti (al-Mubarak, 2003).

Namun, jika yang wujud hanyalah kebimbangan terhadap berlakunya *darurah*, maka penilaiannya dibuat berdasarkan sangkaan kuat (*ghalabah al-zann*) yang berpandukan pengalaman atau pemerhatian (al-Bakri, 2011). Menurut al-Mubarak (2003) dan Ghulam (2008), pertimbangan ini termasuk juga adat kebiasaan yang berulang. Sebagai contoh, seseorang yang sakit dan menurut kebiasaan tidak mampu

berpuasa kerana penyakit tersebut lazimnya akan menyebabkan keadaan semakin parah atau membawa kepada mudarat lain.

Tahap kekuatan atau kecenderungan sesuatu *darurah* dapat diukur melalui beberapa peringkat pengecaman, iaitu sama ada الشك (*al-shak*), الوهم (*al-wahm*), الظن (*al-zann*), غلبة الظن (*ghalabah al-zann*) atau اليقين (*al-yaqin*). Kedudukan الشك merujuk kepada keraguan antara dua kemungkinan yang sama kuat, atau suatu keadaan yang tidak dapat dipastikan sama ada ia berlaku atau sebaliknya (al-Fadani, 1996). Sekiranya terdapat dalil yang menguatkan salah satu daripada dua kemungkinan tersebut, maka ia dikategorikan sebagai الظن (Azzam, 2005), yang bererti pemilihan pada bahagian yang rajih. Manakala الوهم pula merupakan lawan bagi *al-zann*, iaitu cenderung kepada bahagian yang *marjuh* (al-Fadani, 1996). Apabila kesemua kemungkinan yang lemah dapat diketepikan berdasarkan hujah atau dalil yang kukuh, maka ia sampai ke tahap غلبة الظن atau *al-zann al-ghalib*.

Jadual 1: Penentuan *Darurah* Yang Pasti Dan Jelas

Bil.	Jenis <i>Darurah</i>	Penentuan	Aspek Penilaian / Keadaan
1.	Penentuan Berdasarkan Kejelasan yang Jelas	<i>Darurah</i> Kepastian	i. <i>Darurah</i> tersebut memberi kesan kemudaratan terhadap salah satu daripada <i>kulliyat al-khams</i> iaitu agama, jiwa, keturunan, akal, atau harta. ii. Individu yang berhadapan dengan <i>darurah</i> tidak berupaya melepaskan diri daripadanya serta tiada alternatif lain selain melakukan perkara yang asalnya dilarang atau meninggalkan kewajipan yang ditetapkan.
2.	Penentuan Berdasarkan Kekuatan yang Kuat	<i>Darurah</i> Andaian	i. Andaian tersebut berada dalam lingkungan <i>ghalabah al-zann</i> (sangkaan yang kuat), sama ada melalui pengalaman, pemerhatian, atau kajian eksperimen. ii. Berdasarkan adat kebiasaan yang berlaku, di mana keadaan tersebut lazimnya membawa kepada kemudaratan.

(Sumber: Mustapha, 2019)

Menurut Ibrahim (1993), sekadar *al-zann* (sangkaan) semata-mata tidak memadai untuk memberikan rukhsah bagi perkara yang diharamkan. Namun, kedudukan غلبة الظن diiktiraf dalam syarak menyamai kedudukan yakin sekiranya ia bersandarkan kepada dalil yang muktabar (Azzam, 2005). Justeru, bagi keadaan yang berasaskan andaian atau sangkaan kuat mengenai berlakunya *darurah*, ia dikategorikan sebagai الضرورة المظنونة (*al-darurah al-maznunah*). Kedua-dua bentuk *darurah* ini, iaitu الضرورة الحقيقية (*al-darurah al-haqiqiyah*) dan *al-darurah al-maznunah*, diambil kira oleh syarak dalam memberikan rukhsah terhadap perkara yang dilarang atau dalam meringankan kesukaran yang dihadapi.



Disimpulkan bahawa penentuan terhadap *darurah* yang pasti dapat dibahagikan kepada dua keadaan utama, iaitu sama ada melalui kepastian yang jelas atau melalui andaian yang kuat.

### **Keadaan *Darurah* Yang Selari Dengan Prinsip-Prinsip Asas Syariah Islam**

Penetapan *darurah* hendaklah berpaksikan kepada usul-usul syarak, kaedah-kaedah fiqh serta selaras dengan maqasid al-shariah (Ibrahim, 1993). Justeru, sebarang proses *istinbat* hukum tidak boleh bertentangan dengan prinsip-prinsip usul yang telah disepakati. Ia juga tidak boleh berlaku kekeliruan dalam pentakwilan, seperti meletakkan sesuatu istilah tidak pada tempatnya dengan hanya menekankan lafaz tanpa meneliti makna sebenar (al-Syatibi, 2003). Sebagai contoh, penggunaan istilah *darurah* untuk menghalalkan pinjaman berunsurkan riba adalah tidak tepat, kerana masih wujud alternatif lain melalui pembiayaan yang berteraskan prinsip Syariah.

Secara umum, konsep *darurah* tidak boleh menyalahi prinsip akidah Islamiah, prinsip umum usul fiqh, serta maqasid al-shariah. Namun, jika suatu keadaan dilihat bertentangan dengan salah satu prinsip tersebut tetapi pada masa yang sama menepati prinsip lain yang lebih utama, maka ia tidak dianggap menyanggahi syariat. Hal ini kerana *darurah* sering terbina atas pertentangan dua maksud yang akhirnya perlu melalui proses *tarjih* (al-Mubarak, 2003). Misalnya, hukum asal memakan bangkai atau daging babi adalah haram, tetapi dalam keadaan *darurah* ia dibenarkan. Walaupun secara zahirnya ia kelihatan bercanggah dengan hukum asal, namun pada hakikatnya ia menepati kehendak syarak yang lebih besar, iaitu menjaga kelangsungan nyawa.

### **Menghindari *Darurah* Mengikut Kadar Keperluan**

Hukum yang disandarkan atas dasar *darurah* pada hakikatnya adalah bersifat *marjuh*, sedangkan hukum asal sebelum wujudnya *darurah* adalah *rajih*. Oleh itu, hukum yang *marjuh* tidak boleh dijadikan sandaran secara berterusan kecuali dalam ruang lingkup yang dibenarkan oleh syarak (al-Mubarak, 2003). Justeru, larangan atas dasar *darurah* tidak boleh dilakukan secara berlebihan sehingga melampaui kadar yang dibenarkan (al-Bakri, 2011). Jika seseorang terus melakukan perkara yang diharamkan sedangkan *darurah* tersebut telah hilang, maka ia dianggap telah melampaui batas (Abdul Wahab Ibrahim, 1993). Prinsip ini berpandukan kepada kaedah *الضرورات تقدر بقدرها* (*darurah* diukur menurut kadarnya) dan *ما أبيض للضرورة يقدر بقدرها* (sesuatu yang diharuskan kerana *darurah* dibataskan mengikut kadarnya).

Hakikatnya, *darurah* bersifat sementara. Apabila *darurah* berakhir, maka hukum keharusan bagi perkara yang asalnya dilarang juga terangkat, kerana ia sudah keluar daripada ruang *darurah* (al-Mubarak, 2003). Prinsip ini selaras dengan kaedah *ما جاز لعذر ما جاز لبيطل بزواله* (apa yang diharuskan kerana uzur terbatal dengan hilangnya uzur). Adapun



kadar *darurah* yang dibenarkan oleh syarak hendaklah tidak melebihi batas keperluan, seperti memakan makanan yang diharamkan sekadar untuk menyelamatkan nyawa dan bukannya sehingga kenyang. Keharusan juga tidak boleh diteruskan setelah *darurah* tersebut hilang. Selain itu, syarak membenarkan seseorang mengambil bekalan daripada perkara yang diharamkan sekiranya diyakini bahawa perjalanan yang dilaluinya masih jauh dan tiada alternatif halal yang dapat diperoleh. Pendapat ini merupakan pandangan muktamad dalam mazhab Maliki, walaupun terdapat perbezaan pandangan dalam mazhab-mazhab lain (al-Thabiti, 2002).

Sekiranya batasan ini dilepasi, maka hukum keharusan yang diberi atas dasar *darurah* akan gugur. Ukuran bagi memastikan seseorang telah melampaui had yang dibenarkan adalah berpandukan kepada yakin atau غلبة الظن (sangkaan yang kuat). Misalnya, seseorang yang lapar dalam keadaan *darurah* dianggap telah keluar daripada ruang *darurah* apabila dia yakin atau dengan sangkaan yang kuat bahawa nyawanya tidak lagi terancam selepas makan sedikit. Maka tidak harus baginya untuk makan hingga kenyang atau sehingga mendapat tenaga yang berlebihan.

### **Pengesahan *Darurah* Secara Berautoriti**

Dalam konteks isu semasa, khususnya dalam bidang yang melangkaui disiplin ilmu syariah secara langsung, pengesahan pakar adalah suatu keperluan asas bagi memastikan sesuatu keadaan benar-benar dikategorikan sebagai *darurah*. Hal ini penting bagi mengelakkan konsep *darurah* disalahgunakan sebagai alasan untuk mengharuskan perkara yang dilarang tanpa asas syarak. Misalnya, dalam bidang muamalat kontemporari seperti perbankan dan pelaburan, kedudukan sesuatu urusan tidak boleh ditentukan semata-mata melalui pertimbangan hukum, sebaliknya memerlukan analisis teknikal daripada pakar yang memahami struktur, risiko, dan operasi kewangan tersebut.

Di Malaysia, keperluan ini diperkukuhkan melalui penubuhan institusi pemantau yang memastikan kepatuhan terhadap prinsip Syariah, antaranya Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia (AIBIM), Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa dalam Kewangan Islam (ISRA), Persatuan Penasihat Syariah bagi Kewangan Islam Malaysia (ASAS), dan Majlis Penasihat Syariah (MPS) Bank Negara Malaysia (BNM, 2017). Peranan badan-badan ini bukan sekadar memberi pengesahan, tetapi juga berfungsi sebagai mekanisme kawalan agar konsep *darurah* diaplikasikan secara tepat dan tidak dieksploitasi demi kepentingan tertentu.

Pemerintah turut dituntut untuk meraikan kepentingan awam dan kemaslahatan negara, meskipun dalam keadaan tertentu terpaksa melakukan perkara yang asalanya dilarang oleh syarak (al-Bakri, 2011). Dalam konteks pemerintahan dan politik di Malaysia, sidang parlimen berperanan sebagai medan wacana utama untuk membincangkan isu-isu berkaitan negara. Oleh itu, segala perbincangan yang melibatkan *masalah* umum hendaklah dicapai dengan kesepakatan khususnya oleh pihak yang mengurus tadbir negara. Walau bagaimanapun, proses ini tidak seharusnya mengabaikan pandangan dan bimbingan daripada para ilmuwan Islam,



misalnya melalui institusi rasmi seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), agar keputusan yang diambil tetap selari dengan prinsip syariah.

Aplikasi konsep *darurah* dalam konteks Malaysia juga dapat dilihat melalui beberapa dasar awam. Sebagai contoh, dalam isu kesihatan awam, kerajaan membenarkan penggunaan vaksin yang pada asalnya mengandungi bahan terlarang, dengan syarat tiada alternatif lain yang halal tersedia dan penggunaannya dianggap penting untuk melindungi nyawa rakyat. Keharusan ini berlandaskan kepada kaedah fiqh *أخف الضرورين* (mengambil yang lebih ringan antara dua keburukan) (Pauzi & Man, 2017).

Dalam aspek ekonomi dan kewangan negara pula, Bank Negara Malaysia bersama Majlis Penasihat Syariah telah mengaplikasikan pendekatan *darurah* dan *hajah* dalam mewujudkan instrumen kewangan Islam yang dapat menggantikan amalan konvensional berasaskan riba. Keadaan mendesak dalam sistem kewangan global yang dikuasai instrumen konvensional menuntut kepada penyesuaian sementara sebelum pembangunan sistem kewangan Islam yang menyeluruh tercapai (BNM, 2024).

Selain itu, dalam pengurusan keselamatan negara, pemerintah kadangkala perlu mengambil langkah-langkah tertentu yang secara asasnya membataskan kebebasan individu, seperti penguatkuasaan undang-undang darurat atau perintah kawalan pergerakan. Walaupun kelihatan bertentangan dengan prinsip kebebasan, namun ia dibenarkan oleh syarak kerana bertujuan memelihara kepentingan yang lebih besar, iaitu keselamatan rakyat dan kelangsungan negara (Loheswar, 2021).

### **Darurah Dibenarkan Sekadar Ketiadaan Alternatif Yang Diharuskan Syarak**

Sesuatu keadaan belum dianggap sebagai *darurah* sekiranya masih terdapat alternatif yang tidak bercanggah dengan syarak. Hanya apabila *darurah* benar-benar berlaku tanpa pilihan lain melainkan perkara yang diharamkan, barulah ia diharuskan dan gugur dosa pada hak Allah S.W.T, selaras dengan kaedah *الضرورات تبيح المحظورات* (al-Ulfi, 2011). Walau bagaimanapun, keharusan ini tidak membatalkan hak manusia kerana ia tetap terpelihara sebagaimana kaedah *لا ييطل حق الغير الاضطرار* (kemudaratan tidak membatalkan hak orang lain). Bahkan, kerugian atau kerosakan yang menjejaskan hak manusia perlu diganti. Sebagai contoh, bagi seseorang yang terpaksa menjalani pembedahan untuk menyelamatkan nyawa tetapi tidak memiliki sumber halal bagi menampung kos, maka diharuskan baginya mengambil pinjaman berunsurkan riba (al-Bahusayn, 2005).



## KRITERIA PERTEMBUNGAN ANTARA *DARURAH* DENGAN *DARURAH*

Dalam keadaan tertentu, mungkin wujud lebih daripada satu bentuk *darurah* yang memerlukan pertimbangan teliti untuk menentukan pilihan yang tepat bagi mengelakkan atau menghilangkan kemudaratan. Pertembungan antara dua *darurah* ini boleh berlaku dalam dua bentuk utama. Pertama, apabila kedua-duanya berada pada tahap yang sama. Kedua, apabila tahap *darurah* tersebut berbeza antara satu sama lain. Justeru, terdapat beberapa garis panduan yang perlu diambil kira dalam membuat keputusan apabila berlaku pertembungan antara *darurah* dengan *darurah*.

### Keutamaan Kepada *Darurah* Yang Paling Ringan

Pemilihan terhadap *darurah* yang lebih ringan adalah bertujuan untuk menolak *darurah* yang lebih besar. Hal ini dapat dilihat dalam peristiwa Nabi Khidir merosakkan perahu milik nelayan miskin demi mengelakkan *darurah* yang lebih besar, iaitu perahu tersebut dirampas oleh pemerintah zalim. Dalam keadaan tersebut, kerosakan perahu hanyalah *darurah* yang kecil berbanding kehilangan perahu secara keseluruhan sekiranya dirampas (al-Dusi, 2001). Demikian juga peristiwa Rasulullah S.A.W membiarkan seorang Arab Badwi kencing di dalam masjid kerana ingin menolak *darurah* yang lebih besar. Walaupun kencing di masjid merupakan satu bentuk *darurah* yang ringan, namun membiarkannya ketika itu lebih menepati maqasid syarak, iaitu menjaga agama dengan memberi ruang kepada Arab Badwi tersebut untuk memahami Islam melalui pendekatan dakwah Rasulullah S.A.W (Mustapha, 2019).

Ukuran *darurah* sama ada ringan atau berat dalam kedua-dua contoh ini ditentukan oleh pakar pada waktu tersebut; Nabi Khidir dalam peristiwa pertama, manakala Nabi Muhammad S.A.W dalam peristiwa kedua. Penilaian terhadap *darurah* bukan hanya dilihat pada kesan semasa, bahkan turut mempertimbangkan implikasi masa hadapan, dengan mengambil kira kepentingan yang lebih utama berdasarkan elemen-elemen *kulliyat al-khams*.

Dalam kerangka ini, beberapa kaedah fihiyyah dijadikan panduan bagi memastikan *darurah* yang lebih besar ditolak melalui pemilihan *darurah* yang lebih ringan. Antaranya ialah إذا تعارض مفسدتان روعي أعظمهما بارتكاب أخفهما (apabila bertembung dua *mafsadah*, maka diraikan yang lebih besar dengan melaksanakan yang lebih ringan), الضرر الأشد يزال بالضرر الأخف, (kemudaratan yang lebih besar dihilangkan dengan kemudaratan yang lebih kecil), dan يختار أهون الشرين (dipilih yang paling ringan antara dua kemudaratan).

### Keutamaan Kepada *Darurah* Umum Berbanding *Darurah* Khusus

Penentuan *darurah* turut dinilai dari segi skop sama ada ia melibatkan individu atau kelompok masyarakat. Dalam keadaan tersebut, *darurah* yang menimpa kelompok



atau majoriti masyarakat diberi keutamaan berbanding *darurah* yang hanya menimpa individu. *Darurah* yang bersifat umum biasanya melibatkan komuniti di sesuatu kawasan, negeri atau negara, justeru penilaian terhadap kepentingan masyarakat majoriti didahulukan. Hal ini kerana pertimbangannya berkait rapat dengan *masalah*, dan dalam prinsip syarak, *masalah 'ammah* (kepentingan umum) lebih utama dipelihara berbanding *masalah khassah* (kepentingan khusus). Jika hanya diraikan *masalah* khusus, maka berpotensi untuk mengabaikan kemaslahatan umum. Sebagai contoh, keharusan pemerintah menetapkan harga barang keperluan asas apabila berlaku penipuan harga (al-Zarqa, 1996). Tindakan ini bertujuan menjaga kepentingan para pembeli daripada pelbagai golongan serta menghalang kezaliman penjual yang tidak amanah.

Dari sudut pertimbangan kemudharatan, jika kedua-dua mudarat dapat dihilangkan sekaligus, maka ia wajib dilakukan, selaras dengan kaedah *الضرر يزال* (kemudharatan hendaklah dihilangkan). Namun sekiranya tidak dapat dielakkan dan mesti dipilih salah satu daripadanya, maka pertimbangan perlu dibuat antara kemudharatan umum dan kemudharatan khusus. Dalam keadaan ini, syarak menggariskan kaedah *تحمل الضرر الخاص لدفع الضرر العام* (ditanggung kemudharatan khusus bagi menolak kemudharatan umum).

### **Mengutamakan *Darurah* Mengikut Keutamaan Maqasid *Shariah***

Kedudukan maqasid memiliki peranan yang amat signifikan dalam penetapan fatwa dan hukum syarak, khususnya apabila berhadapan dengan persoalan fiqh semasa yang memerlukan *ijtihad maqasidi* (al-Jindi, 2003). Dalam menilai keadaan *darurah* yang melibatkan pertembungan kepentingan, pertimbangannya lazimnya dibuat berasaskan *kulliyat al-khams* iaitu agama, jiwa, keturunan, akal dan harta. Susunan *aulawiyat* (keutamaan) dalam *kulliyat al-khams* ini amat penting kerana ia menjadi asas dalam penentuan hukum (Athiyah, 2008).

Terdapat perbezaan pandangan ulama mengenai susunan keutamaan *kulliyat al-khams*. Sebahagian berpendapat susunannya adalah agama, jiwa, akal, keturunan dan harta. Namun, pandangan yang dikaitkan dengan al-Ghazali mengenai susunan ini masih diperdebatkan oleh para sarjana (Muhammad 'Abdu, 2009). Sementara itu, pandangan lain meletakkan urutan keutamaan sebagai agama, jiwa, keturunan, akal dan harta (Qasim, 1993).

Menurut al-Qayathi (2009), terdapat ulama yang mengutamakan jiwa, keturunan, akal dan harta berbanding agama kerana keempat-empat perkara tersebut tergolong dalam hak-hak manusia, manakala agama dikategorikan sebagai hak Allah S.W.T. Prinsip yang digunakan ialah hak manusia perlu diutamakan berbanding hak Allah S.W.T. Sebagai contoh, seseorang yang sedang mendirikan solat tetapi mendapati ada individu yang lemas, maka dia diwajibkan menghentikan solatnya untuk menyelamatkan jiwa tersebut, walaupun tindakan itu menyebabkan solatnya terkeluar daripada waktunya. Begitu juga halnya dengan orang yang berpuasa lalu menyelamatkan orang yang lemas sehingga puasanya terbatal (al-Dusi, 2001). Dalam



keadaan ini, ibadat solat dan puasa termasuk dalam penjagaan agama, manakala usaha menyelamatkan nyawa pula termasuk dalam penjagaan jiwa.

Secara umum, kedudukan *kulliyat al-khams* dapat dibahagikan kepada tiga pandangan utama. Pandangan pertama meletakkan susunannya sebagai agama, jiwa, akal, keturunan dan harta. Pandangan kedua menyusunnya sebagai agama, jiwa, keturunan, akal dan harta. Manakala pandangan ketiga pula mengutamakan jiwa, keturunan, akal, harta dan diikuti dengan agama. Walaupun terdapat perbezaan dari sudut keutamaan, semua pandangan tersebut tetap berada dalam kerangka *maqasid al-shariah* iaitu bagi menjaga *maslahah* serta menolak *mafsadah*. Hal ini menunjukkan bahawa susunan *kulliyat al-khams* merupakan ruang ijtihad para ulama.

Selain itu, pertimbangan hukum juga mengambil kira kedudukan *maqasid asliyyah* dan *maqasid tab'iyah*. *Maqasid asliyyah* diberikan keutamaan kerana ia merupakan tujuan utama pensyariatannya serta bersumberkan nas yang lebih kuat, manakala *maqasid tab'iyah* hanyalah tujuan sampingan yang menyusul. Sebagai contoh, *maqasid asliyyah* bagi penjagaan nasab adalah memastikan benih zuriat diletakkan pada saluran yang halal untuk melahirkan keturunan yang sah, manakala *maqasid tab'iyah* pula termasuk aspek sekunder seperti mengawal syahwat, mengurus rumah tangga dan seumpamanya. Atas asas inilah, nikah *mut'ah* diharamkan kerana bercanggah dengan *maqasid asliyyah* dalam institusi perkahwinan (al-Salahati, 2001).

### **Darurah Tidak Dihilangkan Dengan Darurah Yang Seumpamanya**

Apabila seseorang berada dalam keadaan *darurah*, ia tidak boleh dihilangkan dengan mendatangkan kemudharatan yang setaraf dengannya. Dalam keadaan sebegini, *darurah* yang sedang dialami hendaklah dikekalkan tanpa menggantikannya dengan *darurah* lain yang sama tahap (al-Mubarak, 2003). Sebagai contoh, seseorang yang diancam bunuh lalu dipaksa untuk membunuh orang lain, maka diharamkan baginya melakukan pembunuhan tersebut walaupun nyawanya terancam, kerana kedua-duanya berada pada tahap *darurah* yang sama iaitu ancaman terhadap nyawa. Hal ini selari dengan kaedah الضرر لا يزال بمثله (kemudharatan tidak dihilangkan dengan kemudharatan yang seumpamanya).

Oleh itu, apabila wujud pertembungan dua *darurah* yang setara, maka yang wajib dikekalkan ialah *darurah* yang mula-mula dialami. Adapun *darurah* yang datang kemudian, walaupun sama tahap dengan yang pertama, ia tidak diambil kira. Justeru, seseorang mukallaf tetap berada dalam keadaan *darurah* yang sedang dihadapinya kerana tiada pilihan lain yang benar-benar dapat menghilangkannya. Bahkan, jika sesuatu kemudharatan cuba dihilangkan dengan kemudharatan yang sama, maka tujuan pensyariatannya untuk mengangkat kemudharatan tidak akan tercapai, kerana kemudharatan tetap wujud dalam keadaan tersebut.



## **KRITERIA PERTEMBUNGAN DARURAH DAN MASLAHAH**

Dalam pertimbangan *masalah*, hakikatnya adalah untuk mengelak atau menghilangkan kemudaratan. Justeru, kedua-dua perkara ini saling berkait antara satu sama lain bagi mencapai matlamat pensyiaran iaitu menolak kemudaratan dan menarik kemaslahatan. Antara garis panduan yang digunapakai dalam konteks pertembungan antara *masalah* dengan *darurah* ialah:

### **Keutamaan Kepada *Darurah* Yang Lebih Besar Daripada *Maslahah***

Apabila berlaku pertembungan antara *masalah* dan *darurah*, maka keutamaan diberikan kepada usaha menolak *darurah* tersebut (al-Fadani, 1996). Walau bagaimanapun, penilaian terhadap kedua-duanya hendaklah dilakukan dengan mengambil kira kesan yang paling besar sama ada dari aspek manfaat ataupun mudaratnya (al-Dusi, 2001). Hal ini bertepatan dengan firman Allah S.W.T dalam surah al-Baqarah ayat 219 berhubung dengan arak dan judi, yang menyatakan bahawa kemudaratan adalah lebih besar daripada manfaatnya.

Mahmud Yunus dalam tafsir beliau menjelaskan manfaat arak antaranya ialah mampu memanaskan tubuh dan menghilangkan kesedihan, namun kemudaratan yang terkandung di dalamnya jauh lebih besar berbanding manfaat tersebut. Dalam konteks sejarah ekonomi pula, penjualan arak berkembang pesat dalam masyarakat jahiliyyah dengan pelbagai nama dan bentuk perniagaan (Bennabi, 2009).

Apabila sesuatu perkara membawa kepada kadar kerosakan atau kemudaratan yang lebih besar daripada manfaatnya, maka ia dilarang dan ditegah untuk dilakukan. Dalam keadaan ini, manfaat yang ada diketepikan kerana syarak mengutamakan penolakan terhadap kemudaratan yang lebih besar. Prinsip ini selaras dengan kaedah *درء المفسد مقدم على جلب المصلحة* (menolak kemudaratan didahulukan daripada menghasilkan kemaslahatan).

Walaupun bagaimanapun, pertimbangan antara *darurah* dan *masalah* tidak boleh dilakukan secara sembarangan, bahkan memerlukan penelitian berdasarkan beberapa aspek utama. Antaranya ialah aspek maqasid *shariah* yang menilai mudarat dan manfaat berdasarkan kerangka *kulliyat al-khams*. Hal ini kerana setiap pentaklifan syarak pada hakikatnya bertujuan menjaga *masalah* serta menolak *mafsadah*. Malah, *masalah* yang dipelihara dan *mafsadah* yang dihindarkan adalah demi menjamin kelangsungan kehidupan manusia di dunia serta kesejahteraan di akhirat, bukanlah berdasarkan pertimbangan hawa nafsu semata-mata (al-Syatibi, 2003).

### **Keutamaan Kepada *Darurah* Sekiranya Ia Setara Dengan *Maslahah***

Apabila berlaku keadaan yang tidak dapat dilakukan *tarjih* antara *masalah* dengan *darurah* kerana kedua-duanya berada pada tahap yang sama, maka keutamaan



diberikan kepada penolakan *darurah*. Hal ini bersesuaian dengan kaedah *درء المفساد مقدم على جلب المصلحة* (menolak kemudaratan didahulukan daripada menghasilkan kemaslahatan). Menurut al-Suyuti (t.t), apabila wujud kontradiksi antara *maslahah* dan *darurah*, maka wajib didahulukan penolakan terhadap *darurah*, kerana penekanan syarak terhadap perkara yang dilarang lebih kuat berbanding perintah terhadap perkara yang dituntut.

Walau bagaimanapun, sebelum beramal dengan kaedah mendahulukan *darurah* daripada *maslahah*, perlu dilakukan penelitian yang mendalam bagi memastikan benar-benar tiada ruang *tarjih* di antara keduanya. Segala bentuk hujah dan pertimbangan perlu dikaji secara menyeluruh sehingga jelas bahawa keduanya memang setaraf dan tidak ada yang lebih kuat untuk didahulukan.

### **Keutamaan Kepada Maslahah Yang Lebih Besar Daripada Darurah**

Dalam keadaan ini, *darurah* dianggap tertutup dengan kewujudan *maslahah* yang lebih besar. Hal ini kerana seluruh hukum hakam Islam sebenarnya terikat dengan *maslahah* untuk kebaikan umatnya. Justeru, ia bukanlah suatu penafian terhadap kaedah *درء المفساد مقدم على جلب المصلحة* (menolak kemudaratan didahulukan daripada menghasilkan kemaslahatan), tetapi sebaliknya diperincikan dengan kaedah tambahan. Antaranya ialah *ال مفسدة الصغيرة تغتفر من أجل المصلحة الكبيرة* (kemudaratan kecil boleh diabaikan demi mencapai kemaslahatan besar) dan *لا تترك مصلحة محققة من أجل مفسدة متوهمة* (tidak boleh meninggalkan kemaslahatan yang pasti kerana *mafsadah* yang hanya diragui) (al-Dusi, 2001).

Sehubungan dengan itu, dalam menilai *darurah*, urusan yang bersifat umum atau melibatkan kepentingan masyarakat perlu ditentukan hukumnya oleh yang berautoriti. Sementara itu, bagi masalah yang menyentuh individu, penentuan hukum *darurah* boleh diputuskan oleh pihak yang diberi kuasa dalam urusan hukum syarak (Abdul Wahab Ibrahim, 1993). Dalam konteks kontemporari, peranan ini turut dimainkan oleh institusi rasmi seperti majlis fatwa, yang ahlinya dilantik berdasarkan kepakaran dan kelayakan yang sah untuk memberikan keputusan hukum.

Di Malaysia, penentuan sesuatu perkara sebagai *darurah* dibuat melalui proses penelitian dan perbincangan oleh para ilmuan Islam yang dibentuk dalam institusi khusus. Badan utama di peringkat kebangsaan ialah Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI). Institusi ini menggabungkan mufti-mufti negeri dan ahli-ahli yang dipilih berdasarkan kepakaran dalam bidang ilmu Islam dan bidang khusus seperti perubatan, muamalat dan lain-lain. Melalui mekanisme ini, sebarang isu yang dibangkitkan akan dikaji terlebih dahulu dengan penyediaan kertas kerja beserta hujah dan dalil dikemukakan secara terperinci. Hanya selepas segala aspek diperhalusi barulah keputusan hukum atau fatwa yang melibatkan *darurah* dibuat (JAKIM, 2019).



Melalui kerangka penilaian *darurah* tersebut, ia mampu menjadi satu prinsip asas kepada pembinaan *istinbat* hukum sama ada dalam konteks pematwaan ataupun pembangunan dasar-dasar syariah. Ini boleh melibatkan kepada badan-badan yang berautoriti dalam bidang-bidang pematuan syariah khususnya apabila melibatkan situasi *darurah*.

## KESIMPULAN

Dalam konteks perubahan hukum, *darurah* yang berkaitan dengan hukum Islam bergantung pada dalil-dalil yang jelas dari al-Quran dan al-Sunnah. Pemahaman konsep *darurah* harus sesuai dengan keadaan semasa, dan penggunaannya harus dibatasi agar tidak menimbulkan kecelaruan dalam hukum yang terikat dengan *'illat* ini. *Darurah* yang berlaku wujud dalam pelbagai konteks merangkumi perbezaan keadaan individu maupun kelompok, sama ada dalam aspek pemakanan, pemakaian, akad muamalat, dan sebagainya. Penggunaan *darurah* tidak boleh dilakukan secara sewenang-wenang, dan untuk mengharuskan sesuatu yang dilarang, perlu adanya *'illat darurah* yang jelas dan terperinci. Penilaian terhadap *darurah* harus mempertimbangkan lima maqasid, iaitu agama, jiwa, keturunan, akal, dan harta. Kriteria umum penentuan *darurah* melibatkan kejelasan, ketidakberlawanan dengan prinsip-prinsip syariat, penghindaran *darurah* yang dialami sesuai dengan kadar *darurah* tersebut, pengesahan *darurah* oleh pakar dalam bidang tertentu, dan ketiadaan alternatif lain kecuali yang diharuskan oleh syariat. Natiujahnya, penentuan *darurah* harus dilakukan dengan hati-hati dan berdasarkan prinsip-prinsip syariat agar tidak menimbulkan masalah hukum.

## RUJUKAN

- Abu Shab, M. I. (2014). *Atharu al-Darurah 'Ala Ahkam al-Mu'amalat al-Maliah al-Mu'asirah* (Tesis Sarjana). Fakulti Syariah dan Qanun, Jabatan Fiqh Muqaran, Al-Jami'ah al-Islamiyyah Gaza, Palestin.
- Abu Syawish, M. Z. (2013). *Dawabit al-Nazar Fi al-Nawazil Wa Madarik al-Hukmi 'Alaiha*. *Majalah Syari'ah wa al-Qanun*, 25, 223. Jami'ah al-Imarat al-'Arabiyyah al-Muttahidah.
- Abu Zahrah, M. (1958). *Usul al-Fiqh*. Beirut: Dar Fikr al-'Arabi.
- Al-Bahusayn, Y. A. W. (2005). *Qa'idah al-Masyaqqah Tajlibu al-Taisir Dirasah Nazariyyat Ta'siliyyat Tatbiqiyyat*. Riyadh: Maktabah al-Rushd.
- Al-Bakri. Z.M (2011). Penggunaan konsep *darurah* dalam penentuan hukum. Dalam *Monograf al-Ifta' Siri 2*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Bahagian Pengurusan Fatwa.



- Al-Dusi, H. S. (2001). *Manhaj Fiqh al-Muwazanat Fi al-Syari'ie al-Islami: Dirasah Usuliyyah. Majallah al-Shari'ah wa al-Dirasat al-Islamiyyah*, 46, 411. Kuwait: Majlis al-Nashr al-'Ilmi.
- Al-Fadani, M.Y. (1996). *Al-Fawaid al-Janiyyah Hashiyah al-Mawahib al-Saniyyah Syarh al-Faraid al-Bahiyah fi Nazmi al-Qawa'id al-Fiqhiyyah* (Cet. 2). Beirut: Dar al-Bashair al-Islamiyyah.
- Al-Jindi, S.A.W. (2003). *Ahmiyyah al-Maqasid Fi al-Syari'ah al-Islamiyyah Wa Atharaha Fi Fahmi al-Nas Wa Istinbat al-Hukm*. Iskandariah: Dar al-Iman.
- Al-Kailani, A. R. (2006). *Al-Qawa'id al-Usuliyyah Wa al-Fiqhiyyah Wa 'Alaqatuhā bi Maqasid al-Shari'ah al-Islamiyyah. Dalam Maqasid al-Shari'ah al-Islamiyyah: Dirasat Fi Qadaya al-Manhaj Wa Majalat al-Tatbiq*. United Kingdom: Muassasah al-Furqan Li al-Turath al-Islami, Markaz Dirasat Maqasid al-Shari'ah al-Islamiyyah.
- Al-Mubarak, J.M. (2003). *Nazariyyat al-Darurah al-Syar'iyyah Hududuha Wa Dawabituh. Mansurah: Dar al-Wafa'*.
- Al-Qardawi, Y. (2001). *Fiqh al-Aulawiyat: Dirasat Jadidah Fi Dui al-Quran Wa al-Sunnah*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Al-Qayathi, A. (2009). *Maqasid Al-Syari'ah 'Inda Al-Imam Malik Baina Al-Nazariyyah Wa Al-Tatbiq*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Al-Raisuni, Q (2007). *Al-Taisir al-Fiqhi Mashru'iyatuhu Wa Dawabituhu Wa 'Awaiduhu*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Al-Raisuni, A. (2015). *Nazariyyat al-Maqasidi 'Inda al-Imam al-Syatibi* (Cet. 5). Kaherah: Dar al-Kalimah.
- Al-Salahati, S.M. (2001). *Maqsad al-Nasl fi al-Sira'i al-'Arabi al-Sahyuni. Majallah al-Shari'ah wa al-Dirasat al-Islamiyyah*, 46, 124. Kuwait: Majlis al-Nashr al-'Ilmi.
- Al-Suyuti, A.R. (t.t.). *Al-Asbah Wa al-Nazair*. Thailand: Maktabah wa Matba'ah Muhammad al-Nahdi wa Auladihi.
- Al-Syatibi, I.M (2003). *Al-I'tisam* (Jil. 2, Tahqiq Sayyid Ibrahim). Kaherah: Dar al-Hadis.
- Al-Thabiti, H. A. (2002). *Arau al-Imam Ibn Hazm al-Zahiri Fi al-Tafsir*. (Tesis Sarjana). Kuliah Dakwah dan Usuluddin, Jami'ah Ummu al-Qura.
- Al-Ulfi, M.J. (2011). *Atharu qa'idah al-Darurah tubih al-mahzurāt fi dirasah al-qadaya al-fiqhiyyah. Dalam Buhuth al-Nadwa Nahwu Manhaji 'Ilmi Asil Li Dirasah al-Qadaya al-Fiqhiyyah al-Mu'asirah* (Jil. 4, h. 1697). Saudi: Wizarah al-Ta'lim al-'Ali, Jami'ah al-Imam Muhammad bin Su'ud al-Islamiyyah.



- Al-Zarqa, M.A. (2004). *Al-Madkhal al-Fiqhi al-'Am*. Damsyik: Dar al-Qalam, cet. 2, h. 106.
- Al-Zuhaili, W. (1985). *Nazariyyat al-Darurah al-Shar'iyah: Muqaranah Ma'a Qanun al-Wadh'i*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- A-Susut, A. M. M. (2011). *Buhuth Mu'asirah Fi Usul al-Fiqh*. Oman: Dar al-Masirah.
- Athiyyah, J.M. (2008). *Nahwu Taf'il Maqasidi al-Syari'ah*. Amerika Syarikat: al-Ma'had al-'Alami li al-Fikr al-Islami.
- Azzam, A. A. (2005). *Al-Qawaid al-Fiqhiyyah*. Kaherah: Dar al-Hadis.
- Bank Negara Malaysia. (2024). *Policy Document on Hajah and Darurah*. Bank Negara Malaysia. <https://www.bnm.gov.my/documents/20124/938039/pd-Hajah-Darurah-Jan2024.pdf> (Capaian 2 Oktober 2025).
- Bennabi, M. (2009). *Esei Tentang Teori Berkenaan al-Quran: Fenomena al-Quran* (Terj. Mohamed el-Tahir el-Mesawi, Cet. 2). Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.
- Faramuz, M. (t.t.). *Mirat al-Usul Fi Sharh Mirqat al-Wusul*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ghulam, Z. (2008). *Taudih Usul al-Fiqh 'Ala Manahij Ahl al-Hadis* (Cet. 2). Beirut: Dar Ibn al-Jauzi.
- Harun, M. S. (2020). Analisis Prinsip *Al-Darurah* Dalam Pinjaman Berasaskan Riba Bagi Tujuan Pemilikan Rumah Dalam Kalangan Minoriti Muslim. *International Journal of Zakat & Social Finance (AZJAF)*, 1(1), 149-163.
- Ibrahim, A. W. (1993). *Fiqh al-Darurah Wa Tatbiqatuhu al-Mu'asirah: Afaqun Wa Ab'adun*. Saudi: Al-Bank al-Islami Li al-Tanmiah, al-Ma'had al-Islami Li al-Buhuth Wa al-Tadrib.
- Idrisi, M. A. H., & Ramli, M. A. (2018). Aplikasi Kaedah Fiqh "*Al-Darurah Tuqaddaru bi Qadariha*" Terhadap Pengambilan Bantuan Makanan Oleh Gelandangan. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, Edisi Khas.
- Isa, N. M. (2015). *Darurah* (necessity) and its application in Islamic ethical assessment of medical applications: A review on Malaysian fatwa. *Science and Engineering Ethics*, 22(5), 1319-1332.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). (2019). *Mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) Kali ke-115 Tahun 2019*. <https://www.islam.gov.my/ms/sdsds/1080-mesyuarat->



jawatankuasa-muzakarah-majlis-kebangsaan-bagi-hal-ehwal-ugama-islam-malaysia-mki-kali-ke-115-tahun-2019 (Capaian 2 Oktober 2025).

Kaukasal, I. (2000). *Taghayyur al-Ahkam Fi al-Shari'ah al-Islamiyyah*. Beirut: Muassasah al-Risalah.

Loheswar, R. (2021, January 15). *Emergency ordinance allows use of resources at Agong's discretion*. Malay Mail. <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2021/01/15/emergency-ordinance-allows-use-of-resources-at-agongs-discretion/1940674> (Capaian 2 Oktober 2025).

Muhammad 'Abdu. (2009). *Al-Fikr al-Maqasidi 'Inda al-Imam al-Ghazali*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Mustapha, A. M. (2019). *Aplikasi Darurah Dalam Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia*. Tesis PhD, Universiti Sultan Zainal Abidin.

Mustapha, A. M., Engku Ali, E. M. T., & Saadan, M. K. K. (2019). Kepentingan Maqasid Shari'ah dalam keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. *Journal of Muwafaqat*, 2(1), 132–150.

Pauzi, N., & Man, S. (2017). *Maslahah dalam Vaksinasi: Analisis Fatwa Malaysia dan Indonesia*. *Jurnal Fiqh*, 14, 27–50. Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya.

Qasim, Y. (1993). *Nazariyyat al-Darurah fi al-Fiqh al-Janai al-Islami Wa al-Qanun al-Janai al-Wad'ie*. Kaheerah: Dar al-Nahdah al-'Arabiyyah.